

## pendapat

Oleh Prof Datuk Dr Norzaini Azman

Pengerusi Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan Dan Dasar Pendidikan Tinggi Malaysia (PenDaPaT)



# Memperkukuh keseluruhan ekosistem universiti

**E**kosistem pada asalnya diperkenalkan dalam bidang sains tulen untuk menggambarkan sistem ekologi yang kompleks dalam menjelaskan fungsi dan kepentingan setiap organisma serta faktor persekitarannya dalam mengekalkan keseimbangan dan kelangsungan organisma.

Konsep ini diadaptasi dan diguna pakai dalam pelbagai konteks untuk menggambarkan kebergantungan mekanisma dalam satu sistem ekologi yang sama, termasuk dalam konteks sebuah universiti.

Seperti fungsi ekosistem, universiti juga berfungsi sebagai sebuah sistem yang terdiri daripada pelbagai 'organisma' (ahli akademik, pengurusan, dan sistem sokongan) serta faktor persekitaran (jabatan, logistik dan infrastruktur) dan mampu mengurus diri (*self-organising systems*) dalam memastikan keseimbangan dan kelangsungan universiti.

Setiap mekanisma dan faktor persekitaran ini

saling memerlukan antara satu sama lain, berinteraksi dan membentuk simbiosis semula jadi dalam menjalankan tugas dan peranan masing-masing.

Kegagalan sesuatu pihak akan memberi kesan terhadap keseimbangan dan kelangsungan pihak lain. Terdapat tiga perspektif penggunaan istilah ekosistem di universiti; ekosistem universiti, ekosistem ilmu dan ekosistem akademik.

## Ekosistem universiti

Ekosistem universiti bergantung pada tiga sumber utama iaitu sumber fizikal (infrastruktur dan kemudahan), kewangan, dan manusia (pelajar, ahli akademik, sistem sokongan dan pengurusan). Ketiga-tiga sumber ini saling berinteraksi dan mempengaruhi antara satu sama lain bagi melahirkan suasana atau iklim akademik.

Sebuah universiti akan berjaya melaksanakan tanggungjawabnya dengan cemerlang sekiranya ketiga-tiga sumber ini berfungsi dengan berkesan. Konsep ekosistem

ilmu memberi penekanan terhadap hubungan dan kaedah untuk menghasilkan, mengintegrasikan dan berkongsi ilmu pengetahuan.

Usaha untuk menjayakan fungsi ekosistem ilmu bergantung kepada kesediaan dan kemampuan pelbagai pihak untuk saling bekerjasama bagi memartabatkan peranan universiti sebagai pusat menjana dan memindah ilmu.

Konsep itu memerlukan komuniti dalaman universiti, seperti pelajar, ahli akademik dan pengurusan serta komuniti luaran universiti, misalnya ibu bapa, kerajaan, industri dan masyarakat yang saling memainkan peranan dalam menyumbang ke arah kelangsungan dan keluhuran ilmu pengetahuan.

Tuntutan yang bercanggah dan kadangkala tidak realistik daripada mana-mana pemegang taruh ini secara tidak langsung akan membantutkan pembangunan ilmu sesebuah universiti.

Dalam menjayakan usaha memperkasa universiti, konsep ekosistem akademik



Budaya politik di universiti perlu dihapuskan dengan hanya memberi tumpuan pada peranan asas ekosistem ilmu, iaitu penerokaan dan penyebaran ilmu kepada pelbagai pihak berkepentingan. Ini termasuk memberi perhatian kepada merit dalam semua aspek ekosistem akademik”

ialah satu idea ke arah visi akademik yang lebih produktif dan berkualiti.

Ekosistem akademik merujuk kepada sistem berintegrasi yang menggambarkan saling kebergantungan antara komuniti universiti dengan sistem sokongan serta faktor sekitaran seperti infrastruktur dan kemudahan.

Ekosistem ini juga merangkumi budaya, amalan, tradisi, identiti dan cara bekerja yang menggambarkan realiti persekitaran sebenar bagi sesebuah universiti.

## Kukuhkan ekosistem

Ekosistem akademik ialah sistem makro yang merangkumi aspek sosial dan fizikal universiti. Inisiatif untuk membangunkan ekosistem akademik perlu melihat aspek mikro seperti peranan dan budaya institusi dan bakat pelajar dan ahli akademik.

Sekitaran akademik yang kondusif sangat penting bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan ahli akademik mengekalkan prestasi aka-

demik yang cemerlang dan meningkatkan persefahaman kerjasama serta daya saing sihat dalam kalangan ahli institusi.

Oleh itu, Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan Dan Dasar Pendidikan Tinggi Malaysia (PenDaPaT) melalui memorandum kepada Menteri Pendidikan sebelum ini, sangat mengalu-alukan pihak kementerian untuk memperbanyak usaha memperkukuh ekosistem universiti bagi mencapai prestasi dan kecemerlangan melalui pendekatan menyeluruh.

Budaya politik di universiti perlu dihapuskan dengan hanya memberi tumpuan pada peranan asas ekosistem ilmu, iaitu penerokaan dan penyebaran ilmu kepada pelbagai pihak berkepentingan. Ini termasuk memberi perhatian kepada merit dalam semua aspek ekosistem akademik khususnya dalam memilih dan melantik ahli akademik baharu, pemimpin pertengahan dan tinggi serta proses kenaikan pangkat.

Penetapan petunjuk prestasi utama (KPI) pada peringkat kementerian dan universiti juga perlu lebih menyeluruh, iaitu meliputi dan menekankan aspek kualiti keberhasilan dan bukan kuantiti semata-mata.

\* Penulis ialah Profesor dalam bidang Pendidikan Tinggi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).